

PROSIDING

Seminar
POLITIK MALAYSIA

Penyunting

Worran Hj. Kabul
Shireen Haron
Mat Zin Mat Kib
Abdul Kadir Rosline

PILIHAN RAYA KECIL PERMATANG PAUH: PERTEMBUGAN DUA STRATEGI YANG BERBEZA

*Ibrahim Abu Shah, Shireen Haron, Shaharuddin Badaruddin
Mohd. Yadman Sarwan, S. Salahuddin Suyurno
Norshidah Nordin, Mat Zin Mat Kib
Zulkifli Dahlan dan Mujibu Abd Muis*

ABSTRAK

Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh diadakan apabila Datuk Seri Wan Azizah meletakkan jawatan sebagai ahli parlimen Permatang Pauh untuk memberikan laluan kepada Ketua Umum Parti Keadilan Rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim. Pelbagai isu telah dikemukakan dalam kempen Pilihan Raya kecil tersebut daripada isu yang berbentuk “character assassination” kepada isu-isu nasional. Pelbagai isu yang telah digunakan sewaktu Pilihan Raya Umum ke-12 masih lagi digunakan seperti kemelesetan ekonomi, penyalahgunaan kuasa dan pembaharuan politik. Isu-isu baru yang tertonjol pula menyentuh isu peribadi Anwar Ibrahim dan percubaan Anwar Ibrahim untuk menuju ke Putrajaya. Pilihan Raya kecil tersebut juga memaparkan pelbagai strategi “psy-war” dalam kempen politik Pilihan Raya. Dengan menggunakan kaedah lama seperti perang poster, ceramah-ceramah, propaganda dengan penggunaan media arus utama, ceramah kelompok dan juga strategi baru seperti penggunaan internet, laman blog dan SMS. Sesungguhnya Pilihan Raya Kecil ini menggambarkan pertembungan dua strategi yang berbeza antara parti yang mengekalkan kerusi dengan sebuah jentera parti yang menguasai politik peringkat nasional. Kerta kerja ini akan cuba menyingkap strategi tersebut dalam usaha untuk memenangi hati pengundi Permatang Pauh. Kertas kerja ini adalah hasil penyelidikan dan pengamatan proses Pilihan Raya yang telah dijalankan oleh penyelidik dari Universiti Teknologi MARA.

PENGENALAN

Permatang Pauh sentiasa menjadi tumpuan pemerhati politik di Malaysia. Pada Ogos lalu, Permatang Pauh sekali lagi menjadi fokus utama seluruh negara. Ini kerana pengosongan kerusi Parlimen P44. Permatang Pauh oleh Datuk Seri Dr. Wan Azizah mengejutkan ramai. Apatah lagi kerusi tersebut dikosongkan hanya setelah lima bulan pilihan raya umum ke-12 (PRU 12) berlangsung.

Kekosongan kerusi tersebut membawa kepada pilihan raya kecil untuk menggantikan penyandang terdahulu. Justeru, menjadikan pilihan raya kecil Permatang Pauh adalah pilihan raya kecil pertama selepas PRU 12. lebih menarik lagi apabila tokoh besar politik negara Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan untuk bertanding dalam pilihan raya tersebut. Ini menjadikan Permatang Pauh lebih istimewa berbanding sebelumnya. Umum mengetahui bahawa Anwar dan keluarganya telah berbekas di hati penduduk Permatang Pauh sejak 26 tahun dulu.

Kekalahan teruk Barisan Nasional (BN) khususnya di Pulau Pinang ditambah pula dengan prestasi buruk dalam PRU-12 menjadikan pilihan raya kecil ini semakin panas dan menarik. Kekosongan kerusi Permatang Pauh memberi peluang kepada BN mahupun pembangkang untuk sekali lagi menguji kekuatan masing-masing selepas PRU-12. Di Pihak BN, pilihan raya kecil ini sebagai medan ujian kepada keutuhan parti selepas kehilangan Pulau Pinang manakala bagi pembangkang khususnya Parti Keadilan Rakyat (PKR) pilihan raya kecil ini mahu dijadikan sebagai bukti bahawa kemenangan besar PKR dalam pilihan raya ke-12 baru-baru ini bukanlah disebabkan faktor nasib semata-mata. Tambahan pula, pilihan raya kecil ini akan mencalonkan Datuk Seri Anwar sebagai calon PKR dengan mencanangkan bahawa mengundi beliau seakan-akan memberi Perdana Menteri yang baru kepada Malaysia.

Pilihan Raya kecil Permatang Pauh P 44 yang telah diadakan pada 26 Ogos 2008 telah menemukan pertandingan 3 penjurus iaitu dari Parti Barisan Nasional yang diwakili oleh Datuk Ari Shah, Parti Keadilan Pakatan Rakyat oleh penasihatnya Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Parti Ikatan Perpaduan Ummah diwakili presidennya Hanapi Mamat. Pilihan raya kecil yang pertama selepas PRU 12 telah diadakan berikutan perletakana jawatan Ahli Parlimen Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail untuk memberikan laluan kepada suaminya yang terlepas dari melayakkan dirinya bertanding pada PRU ke-12 disebabkan penggantungannya selepas menjalani hukuman penjara selama 6 tahun.

Pertandingan 3 penjurus di kawasan majoriti Melayu sebanyak 64% peratus ini tidak boleh dipisahkan dari isu-isu yang berkaitan dengan persoalan Melayu, hak istimewa orang Melayu dan juga tentang kedudukan Islam sebagai agama rasmi negara. Apapun apakah persoalan ini menjadi isu yang penting dalam Pilihan Raya kali ini. Kertas kerja ini cuba memberikan gambaran tentang sejauh mana isu-isu yang berkaitan dengan orang Melayu dan isu Islam telah digunakan sepanjang kempen selama 8 hari ini oleh parti-parti yang bertanding.

Di peringkat permulaan, PKR dilihat telahpun bersedia dari segala sudut untuk menghadapi pilihan raya. Sebaliknya yang berlaku di pihak BN. Di kawasan Permatang Pauh lazimnya ditandingi oleh UMNO. Persiapan mereka bermula dengan percakapan di peringkat bahagian berhubung siapa yang harus menjadi calon. Walaupun akhirnya Datuk Arif Shah Omar Shah yang dipilih pucuk pimpinan UMNO pusat sebagai calon. Hal ini masih belum cukup meredakan kekalutan dan percakapan yang berlaku dalam pimpinan UMNO bahagian Permatang Pauh.

Pencalonan Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pilihan raya kecil Permatang Pauh pula tidak dijangka. Setelah beliau dibenarkan secara perundangan untuk kembali aktif dalam politik sejak penahanan kontroversi 1998, pelbagai spekulasi timbul bahawa beliau akan bertanding dalam pilihan raya kecil di beberapa kawasan. Antara kawasan yang dikaitkan dengan spekulasi itu termasuk Kulim-Bandar Baru, Bandar Tun Razak malah Kuala Kangsar. Namun begitu, penyabitannya dalam kes salah laku seks dengan bekas pembantu peribadinya, Saiful Azlan Bukhari di Mahkamah menyebabkan isteri yang juga penyandang kerusi mengosongkan kerusi Permatang Pauh bagi mempercepatkan proses kemasukan semula Anwar dalam politik dan parlimen Malaysia.

Permatang Pauh sinonim dengan Anwar Ibrahim apabila beliau mula menjadi wakil rakyat kawasan berkenaan sejak tahun 1982. Parlimen yang menempatkan sejumlah 58,459 pemilih termasuk 490 melalui pos. Pecahan pengundi mengikut kumpulan etnik adalah seperti berikut; Melayu...69.4%,

Cina...24.5%, India...6.0% dan lain-lain...0.1%. Sosioekonomi masyarakat di Permatang Pauh banyak berkait rapat dengan pertanian dan perindustrian. Kawasannya yang subur dengan sawah padi menjadi sumber pendapatan masyarakatnya. Tambahan pula kedudukannya yang bersebelah dengan kawasan perindustrian Prai dan dekat dengan zon industri utama di Pulau Pinang memberikan banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat. Justeru itu, penghijrahan untuk mencari pekerjaan tidak ketara di kalangan masyarakat muda Permatang Pauh.

PILIHAN RAYA KECIL PERMATANG PAUH: ISU-ISU MELINGKARI

Pilihan Raya menjadi medan setiap parti politik mempersembahkan agenda perjuangan masing-masing. Isu-isu dimainkan bagi menampakkan kelebihan mereka disamping menonjolkan kelemahan pihak lawan. Setiap pihak bersaing untuk menarik sokongan pengundi. Isu-isu kelemahan pihak lawan (calon atau parti) dimainkan ketika sesi ceramah, rayuan undi rumah ke rumah, pengedaran poster/banner dan sebagainya. Pilihan Raya kecil Permatang Pauh mempamerkan suasana yang lebih hebat. Faktor Anwar Ibrahim menyebabkan Pilihan Raya kecil ini agak menarik dan menjadi tumpuan. Pelbagai isu diperdengarkan oleh kedua-dua pihak bertujuan mendominasi sokongan.

Calon

Penampilan ketiga-tiga calon dalam Pilihan Raya kecil ini bukan sahaja mempunyai penampilan yang berbeza, tetapi juga arah tujuan yang berlainan dalam kempen Pilihan Raya. Pertama, calon berkarisma yang cuba mengejar kepimpinan negara menampilkan Datuk Seri Anwar Ibrahim dari Parti Keadilan Rakyat. Kedua, calon yang ditampilkan dengan strategi mengurangkan majoriti sebelumnya iaitu Datuk Arif Shah dari UMNO. Ketiganya, calon yang mengambil peluang untuk mempromosikan kumpulan iaitu Hanafi Mamat dari AKIM.

Pemilihan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai calon mewakili Parti Keadilan Rakyat diterima semua kalangan anggota pembangkang. Beliau bertanding setelah isterinya Datuk Seri Wan Azizah Ismail mengosongkan kerusi tersebut. Ia tidak menjadi isu kerana Anwar Ibrahim adalah bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh sebelum dipegang oleh isterinya. Malahan UMNO bahagian sendiri menjadi bermasalah apabila lawan mereka adalah Anwar Ibrahim. Pengaruhnya ketika menjadi Ketua Bahagian UMNO Permatang Pauh masih dirasai oleh ahli-ahli UMNO di situ. Lebih nostalgik apabila bangunan UMNO itu sendiri diusaha dan dirasmikan olehnya.¹ Mereka menjadi serba salah apabila terpaksa memilih antara kehendak parti dengan Anwar Ibrahim itu sendiri.²

Kedadaan ini agak berbeza dengan pemilihan Datuk Arif Shah Omar Shah. Beliau diterima oleh kebanyakan anggota masyarakat atas perkhidmatan yang ditunjukkan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri Seberang Jaya. Namun beliau tidak mempunyai kedudukan yang baik dalam kepimpinan UMNO Bahagian Permatang Pauh.³ Pilihan Raya ini juga dibayangi oleh pemilihan UMNO peringkat bahagian yang masih belum selesai. Sebanyak 48 cawangan ditangguhkan pemilihan sehingga selesai Pilihan Raya. Situasi ini menimbulkan kekusaran terhadap pemilihan Arif Shah sebagai calon. Beliau dikatakan antara individu yang akan mencabar kepimpinan UMNO Bahagian Permatang Pauh sedia ada. Dibimbangi beliau akan menggunakan ruang Pilihan Raya ini untuk menjelajah cawangan bagi menarik sokongan. Kemenangan Arif Shah dalam Pilihan Raya ini akan memberi impak besar terhadap pemilihan UMNO bahagian.⁴

Kewibawaan UMNO Bahagian Permatang Pauh

UMNO Bahagian Permatang Pauh mempunyai sebanyak 91 buah cawangan. Daripada jumlah tersebut, Wanita mempunyai sebanyak 86 cawangan, Pemuda sebanyak 83 cawangan dan Puteri sebanyak 37 cawangan. Ahli biasa UMNO seramai 6,069 orang, Wanita seramai 8,151 orang, Pemuda seramai 3,859 orang dan Puteri seramai 1,363 orang. Jumlah keseluruhan ahli UMNO bahagian tersebut adalah seramai 19,442 orang.⁵

Jumlah tersebut sewajarnya menggambarkan kekuatan UMNO bahagian. Namun keadaan yang berlaku adalah sebaliknya. Beberapa siri Pilihan Raya umum menyaksikan jumlah tersebut dicampuri dengan keahlian parti komponen BN yang lain bukan suatu asas untuk meletakkan kemenangan menjadi milik BN. UMNO Bahagian bermasalah untuk menarik ahli-ahli menyertai aktiviti yang diadakan. Jumlah kehadiran bagi setiap aktiviti adalah mendukacitakan. Sebagai contohnya program berbuka puasa setiap kali Ramadhan hanya dihadiri sekitar 50 orang sahaja berbanding peruntukan yang disediakan untuk jumlah seramai 200 orang.⁶ Penerimaan masyarakat terhadap UMNO juga dapat dilihat apabila terdapat para pelajar sekolah secara negatif bersorak ketika bas yang mereka naiki melintasi bangunan UMNO Permatang Pauh.⁷

Liwat

“Bismillahirrahmannirrahim. Pada hari ini, 15 Ogos 2008, saya Mohd Saiful Bukhari Bin Azlan No Kad Pengenalan 850706-01-5687 dengan ini sesungguhnya dengan nama Allah Yang Maha Pemurai Lagi Maha Penyayang berikrar dan bersumpah seperti berikut....A'uzubillahiminasyaitanirrajim Bismillahirrahmannirrahim. Wallahi...Wabillahi....Wata'alahi. Saya bersumpah bahawa saya telah diliwat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 26 hb Jun 2008 iaitu pada tarikh tersebut Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memasukkan zakarnya ke dalam lubang dubur saya. Jika saya berdusta, atau pengakuan ini, maka saya berdusta terhadap Allah dan saya sanggup menerima azab, laknat dan kutuk daripada Allah hingga ke kiamat. Wallahua`lam.”

Liwat antara isu yang cukup hangat ketika berlangsungnya Pilihan Raya kecil Permatang Pauh. Isu ini dimainkan secara bersungguh-sungguh dan berulang kali bagi menggambarkan nilai moral Anwar Ibrahim. Media, tayangan video, poster, edaran melalui CD risalah dan lain-lain diedar dan dipamerkan kepada umum. Umumnya masyarakat Islam cukup sensitif tentang tingkah laku seseorang pemimpin. Kredibiliti seseorang calon akan terjejas jika dikaitkan dengan permasalahan moral. Permatang Pauh didominasi oleh pengundi Melayu yang beragama Islam. Isu liwat secara tidak langsung menimbulkan kegelisahan kepada para pengundi.

Kesediaan Mohd Saiful Bukhari bersumpah sebaliknya Anwar Ibrahim pula mengelak daripada mengikutinya menimbulkan pertanyaan dalam kalangan masyarakat. Beberapa pengundi yang ditemui menimbulkan persoalan tersebut.⁸ Namun terdapat juga pengundi yang tidak mempercayai isu ini dan mempersoalkan tentang sumpah yang dibuat sebelum hari penamaan calon. Ia seolah-olah satu agenda untuk memalukan Anwar Ibrahim. Bagi yang menyokong Anwar, mereka tidak mepedulikannya.⁹ Bagi menguatkan hujahnya tidak bersumpah, Anwar telah mengemukakan pendapat beberapa orang ulama dalam dan luar negara yang melarang beliau bersumpah.¹⁰ Namun terdapat juga beberapa tokoh agama dalam negara seperti Mufti Wilayah Persekutuan Datuk Wan Zahidi Wan Teh dan Mufti Perlis Dr. Mohd Asri bin Zainul Abidin yang memberi komen

positif tentang kaedah bersumpah tersebut. Pengakuan imam Masjid Wilayah Persekutuan, Ramlang Porigi menjelang hari pengundian bahawa dia diarah menjadi saksi sumpah tersebut membuka episod baru. Ia membantu kempen Anwar Ibrahim untuk menafikan pembabitannya dengan perlakuan tersebut. Pengakuan Ramlang Porigi menimbulkan kesangsian pengundi terhadap sumpah yang dibuat oleh Mohd Saiful. Pengakuan ini diakui berjaya mengalih perhatian pengundi untuk bersimpati terhadap Anwar Ibrahim. Menurut Ahmad Tajudin Ishak, Setiausaha Kerja UMNO Permatang Pauh, ia antara faktor penyebab UMNO gagal dalam menawan hati kebanyakan pengundi tradisi mereka di saluran satu.

Ketuanan Melayu

Secara umumnya isu-isu yang berkaitan dengan Isu Melayu tidak menjadi isu utama dalam kempen-kempen yang dijalankan oleh parti-parti yang bertanding. Walaupun ianya masih menjadi bahan kempen mereka tetapi tidak disentuh secara terbuka yang berkaitan dengan isu-isu setempat. Ini memandangkan bahawa isu Melayu adalah merupakan isu nasional dan jika dikira isu Melayu Pulau Pinang adalah isu yang memang sudah diwarisi semasa pemerintahan Barisan Nasional di bawah Parti Gerakan. Malahan, kawasan Permatang Pauh ini adalah kawasan majoriti 64% Melayu dan selebihnya ialah kaum bukan Melayu.

Sentimen hak-hak Melayu dimainkan secara aktif oleh UMNO ketika kempen Pilihan Raya Permatang Pauh. Pengundi perlu memilih antara kepentingan bangsa dengan simpati terhadap Anwar. Pengundi diminta membuat perbandingan jumlah Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) ketika BN memerintah dan setelah DAP memegang kuasa di Pulau Pinang. Ketika BN memerintah, terdapat 4 EXCO berbangsa Melayu mewakili UMNO berbanding 2 EXCO Melayu ketika ini. Hal ini menampakkan terhakisnya kekuasaan Melayu di Pulau Pinang. Poster-poster berkaitan diedar kepada para pengundi. Walaupun Gerakan yang menjadi Ketua Menteri tetapi kebanyakan keputusan dirujuk kepada BN yang diterajui oleh UMNO. Berlainan sekarang apabila DAP membuat keputusan sendiri tanpa kawalan (contohnya memberikan cuti umum ketika hari pengundian baru-baru ini).¹¹ Pengundi juga ditunjukkan kabinet bayangan melalui edaran poster, jika Pakatan Rakyat memerintah Malaysia dengan kebanyakan menteri kabinet didominasi oleh kaum bukan Melayu.

Isu ini mampu meraih hati pengundi Melayu apatah lagi jika ianya disampaikan melalui rayuan rumah ke rumah. Namun sebaliknya bagi pengundi kaum lain. Ia menyebabkan mereka menjadi tawar hati untuk mengundi BN. Situasi ini dapat dilihat melalui kenyataan akhbar beberapa pemimpin kaum lain sama ada mewakili komponen BN apatah lagi pembangkang. Siasah *on line* melaporkan, Datuk Ong Tee Keat ketika bercakap di Pahang menegaskan jika Umno terus dengan slogan ketuanan Melayu dan tidak membuat reformasi, anggota BN yang lain termasuk MCA akan meninggalkan BN. Sebelum itu Pemangku Presiden Gerakan, Datuk Dr Koh Tsu Koon memberitahu, bukan sahaja Gerakan mengkaji untuk keluar BN, parti-parti lain juga membuat kajian yang sama. Pihak PKR sendiri telah memasang banner dan sepanduk yang menerangkan misi Anwar bertujuan membela semua kaum. Siri ceramah mereka juga memberi penekanan terhadap sejauh mana peranan yang dimainkan oleh UMNO dalam membela Melayu selama ini. Selain itu, terdapat juga masyarakat Cina di Bukit Pelanduk, Permatang Pasir terkilang dengan kepimpinan MCA yang tidak mengambil berat dan mengunjungi mereka.¹²

Anwar Pengkhianat

Anwar dianggap pengkhianat bangsa dan negara. Jika memilih Anwar pengundi akan berhadapan dengan campur tangan kuasa asing. Anwar dikaitkan dengan Yahudi dan Amerika Syarikat. Hubungan baik Anwar dengan bekas Al-Gore, Condolezza Rice, Profesor John L. Esposito (seorang orientalis Paul Wolfowitz, Gus Dur dan lain-lain dikaitkan dengan isu tersebut. Ia juga termasuk peranan dan kedudukan Anwar dalam organisasi *Foundation for the Future* yang mempunyai hubungan dengan Paul Wolfowitz. Penyertaan Irene Fernandez, Dr Xavier Jayakumar, Dr Jeffrey Kitingan, Elizabeth Wong dan lain-lain dalam kepimpinan PKR dihubungkan pula dengan isu Kristian dan anti Islam.

Surat sokongan Pertubuhan Gereja Seluruh Sabah daripada Presidennya Pastor Silvester Khem-Andaman terhadap perjuangan PKR turut disebar kepada para pengundi. Sementelahan pul terdapat kereta Pajero milik PKR yang dipenuhi gambar tokoh-tokoh tersebut sentiasa meronda kawasan pengundian. Isu ini dimainkan dengan gambaran jika Anwar menang, negara akan dikuasai oleh kuasa luar yang anti Islam. PKR pula digambarkan dikuasai oleh bukan Melayu dan Islam PKR juga dikaitkan dengan elemen Freemason melalui lambang mata yang tertera pada logonya. Lambang mata di atas pyramid merupakan logo kepada gerakan Freemason yang mempunyai ahli seramai 5 juta orang di seluruh dunia. Freemason dipelopori oleh orang Yahudi (Neo-Konservatif yang ingin mengambil tanah Palestin dan membina semula Haikal Sulaiman di bawah runtuhan Masjid al-Aqsa.¹⁴

Bahagian Kerohanian PKR menangani isu ini dengan memperbanyakkan program-program ke-Islaman. Program-program munajat, solat hajat, forum, tazkirah, puasa sunat dan berbuka secara beramai-ramai telah diadakan. Aktiviti kempen Anwar turut dimasukkan slot solat di masjid-masjid. Peranan Anwar menubuhkan gerakan Islam ABIM dinyatakan kembali. Kempennya seringkali disertai isteri dan anak-anak perempuan yang bertudung semacam satu usaha untuk menidakkkan segala tuduhan tersebut. Penyertaan aktif PAS secara tidak langsung membantu PKR menangani isu ini.

Pembangunan

Mengundi PKR bermakna menolak pembangunan. Pembangkang dikatakan tidak mampu membawa pembangunan jika mereka menang. BN banyak menggunakan jentera kerajaan pusat pada Pilihan Raya kecil ini. Jentera kerajaan negeri tidak dapat digunakan kerana ia dikuasai Pakatan Rakyat. Pelbagai aktiviti melibatkan pertemuan pemimpin kerajaan pusat dengan pengundi telah diatur. Berbagai-bagai projek pembangunan dan bantuan kewangan disalurkan untuk kemudahan para pengundi.

Bantuan-bantuan dihulurkan kepada masjid dan juga surau dalam kawasan Permatang Pauh. Kaum-kaum lain turut tidak ketinggalan diberikan bantuan. Masyarakat Cina dan India banyak mengemukakan permohonan bantuan daripada kerajaan. Kebanyakannya melibatkan soal kemudahan yang diperlukan oleh mereka seperti permohonan kemudahan elektrik bagi pintu gerbang dan mengatasi masalah selekoh tajam di Sungai Lembu, Penanti. Masyarakat Cina di Jalan Tenggara, Seberang Jaya memohon kemudahan lengkap bangunan bertingkat untuk permainan bola keranjang dan tempat transit mayat kaum mereka. Semua permasalahan ini dilayan dan cuba diatasi oleh calon BN.¹⁵

Isu pembangunan belum begitu kuat untuk menarik sokongan pengundi. Jika ia menjadi isu, sudah tentu isteri Anwar tidak akan memenangnya sebelum ini. Kawasan-kawasan yang tertinggal tersebut seperti Kampung Permatang Rawa yang sering ditenggelami banjir berada dalam DUN Permatang Pasir. Begitu juga beberapa kawasan lain di DUN Penanti. Ia seolah-olahnya tidak memberi kesan besar kerana kedua-dua DUN ini sering mencatat undi selesa untuk PAS dan PKR. Masyarakat melihatnya sebagai kegagalan kerajaan terdahulu menyelesaikannya.¹⁶

Minyak

Kenaikan harga minyak menimbulkan sentimen tersendiri kepada pengundi. Ia turut mempengaruhi kenaikan harga barang di pasaran. Selain taman perumahan, masyarakat di sini kebanyakannya terdiri daripada kampung-kampung tradisional. Kenaikan harga barang amat dirasai oleh mereka khususnya bagi yang berpendapatan kecil dan yang tidak mempunyai pekerjaan tetap. Ini ditambah dengan belanja persekolahan anak dan keperluan harian lain.¹⁷ Penurunan harga minyak sebanyak RM0.15 sen sebelum hari pengundian tidak banyak memberi kesan. Ia tidak mempengaruhi penurunan harga barang keperluan.¹⁸ Janji Anwar untuk menurunkan dengan kadar yang lebih banyak menyebabkan penurunan yang dibuat oleh kerajaan tidak sangat diberi perhatian. Selain jumlah yang kecil, penurunannya turut dikaitkan sebagai kempen Pilihan Raya BN.¹⁹

Isu Lain

Kes perbicaraan pembunuhan model Mongolia Altantuya Sharibu dan keganasan penyokong PKR turut dimainkan. Isu Altantuya cukup sinonim dengan Timbalan Perdana Menteri Datuk Sri Najib Tun Razak. Setiap kali bertemu dengan Najib, penyokong PKR akan menjeritkan perkataan 'Altantuya, Mongolia' secara beramai-ramai. Bagi penyokong BN dijeritkan 'liwat'. Keganasan penyokong PKR khususnya ketika hari penamaan calon dijadikan sebagai isu tidak berbudaya. Ia agak menakutkan khususnya bagi pengundi berumur.

Isu-isu inilah yang melingkari sepanjang tempoh berkempen Pilihan Raya Kecil Permatang Pauh. Sejauhmana ia mampu mempengaruhi dapat dilihat melalui keputusan Pilihan Raya tersebut. Anwar menang selesa dengan pertambahan majoriti walaupun dirinya menjadi sebahagian bahan kempen. Bagi calon AKIM, beliau cuba mengetengahkan isu perpaduan ummah sebagai modal kempen. Namun tanpa sokongan dan gerak kerja yang berkesan, isu tersebut kurang diberikan perhatian.

PERTEMBUNGAN DUA STRATEGI YANG BERBEZA

Tema Anwar dalam Pilihan Raya kecil Permatang Pauh ialah "Pakatan Rakyat Menuju Putrajaya, Makkal Sakthi" dan "Harapan Baru Untuk Malaysia". Dalam kempen dan ceramah umum yang disampaikannya Anwar banyak menyentuh tentang isu nasional. Isu nasional ialah isu kenaikan harga minyak, rasuah, kronisme, kepimpinan lemah dan BN, dan keadilan untuk semua kaum dengan mengubah dasar-dasar sosial dan ekonomi yang tidak sesuai serta kebebasan institusi kerajaan.

Anwar Ibrahim juga menumpukan perhatian kepada keperluan untuk ke Putrajaya. Mengundi Anwar bermakna pengundi memperoleh dua undi. Maknanya undi mereka bukan sahaja membawa kemenangan kepada Anwar di Permatang Pauh tetapi kejayaan memasuki Putrajaya kelak.

Retorik Anwar yang agak mendapat sambutan hangat dari pendengar ceramahnya ialah Belanjawan akan dibentangkan oleh Perdana Menteri (yang juga Menteri Kewangan) pada 29 Ogo: (ini), saya akan duduk bertentangan dengan beliau sebagai Ketua Pembangkang dan akan memastikan supaya Perdana Menteri tidak akan tidur lagi. Ucapan sebegini lazimnya akan diiringi dengan sorai sorai dari para hadirin. Anwar Ibrahim banyak mengecam akan kepimpinan Abdullah Ahmad Badaw dan Najib Tun Razak.

Nerve center bagi PKR dalam strategi Pilihan Raya adalah Anwar Ibrahim sendiri. Beliau ibarat seorang General perang yang berada sendiri di barisan hadapan peperangan. Apabila penulis memberikan maklumat dan juga *psy-war* pihak BN yang mengatakan bahawa Anwar akan menang dan memperoleh lebih dari 18,000 majoriti, maka jawapannya adalah, *it is too good to be true*. Apabila penulis juga menyebutkan bahawa adalah tidak guna PKR mengadakan ceramah kelompok kerana apabila Anwar Ibrahim mengadakan ceramah umumnya di kawasan berdekatan, ia akan mematikan ceramah kelompok tersebut, Anwar tetap bertegas bahawa ceramah kelompok tersebut adalah penting. Walaupun jumlah kehadirannya adalah sedikit, tetapi ia menumpukan kepada pengundi yang sebenarnya. Ceramah Umum hanya mensasarkan kepada penonton nasional dan antarabangsa. Malah strategi ke akar umbi iaitu pergi rumah ke rumah masih menjadi strategi utama.²⁰

Strategi dan tema utama Arif Shah adalah satu usaha untuk meningkatkan perpaduan semua kaum di Permatang Pauh. Beliau akan berusaha mencari jalan untuk mengatasi masalah kemiskinan penduduk di kawasan itu. Selama tiga penggal Permatang Pauh berada di bawah pembangkang tiada sebarang pembangunan dapat dizahirkan dan juga tidak ada perhubungan akrab terjalin antara penduduk di situ dengan wakil rakyat mereka.

Strategi kempen BN dalam Pilihan Raya Permatang Pauh dari segi jentera dan *psy-warnya* tidak melibatkan calonnya iaitu Arif Shah. Arif Shah sebagai calon hanya bergerak dengan jenteranya sendiri dan juga bersendirian dalam melawat kawasan. Beliau tidak dilibatkan dalam perancangan utama jentera Pilihan Raya BN. Beliau juga menyebutkan bahawa beliau adalah ibarat pengantin. Kalau diarak kita akan pergilah.²¹

Kemahiran bertutur dalam bahasa Mandarin menjadi aset untuk menarik sokongan masyarakat Tionghua. Pusat Khidmat beliau antara pusat perkhidmatan yang cukup aktif dalam menangani permasalahan masyarakat di DUN Seberang Jaya. Pusat Khidmat tersebut juga menangani permasalahan masyarakat di DUN Permatang Pasir dan Penanti. Secara peribadi beliau diterima oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira kaum dan parti.

Beliau adalah seorang yang gigih bekerja dan mudah ditemui tanpa mengira waktu dan tempat. Beliau tidak bermasalah untuk turun bersolat Jumaat walaupun di masjid yang dikuasai penyokong pembangkang. Beliau begitu dikenali oleh masyarakat tetapi bermasalah dengan UMNO Bahagian. Pernah dilucutkan jawatan sebagai Ketua Penerangan UMNO Bahagian Permatang Pauh.

Jentera Pilihan Rayanya agak kurang bermaya dan gagal menyaingi jentera parti PKR. Kepimpinan UMNO Bahagian juga tidak banyak menonjol dalam aktiviti-aktiviti kempen Pilihan Raya. Selain jentera parti yang kurang bermaya, kealahannya banyak disifatkan sebagai melawan tokoh yang telah terkenal di peringkat antarabangsa.

Hanafi Mamat pula mempunyai cara tersendiri apabila ditanya apakah strategi kempen beliau dalam Pilihan Raya ini. Beliau menyebutkan bahawa beliau terpaksa menunggu di Bilik Gerakan AKIM kerana ramai pengundi dan juga pemberita ingin menemui beliau. Kerana itu beliau terpaksa berada di Bilik Gerakan tersebut.²²

Isu Melayu dalam Kempen

Antara isu utama yang menjadi bahan kempen Barisan Nasional ialah untuk meyakinkan pengundi untuk tidak mengundi calon pembangkang dari PKR ialah isu Anwar sebagai pengkhianat kepada ras Melayu. Ribuan poster yang mengandungi apa yang dikatakan sebagai kabinet Pakatan Rakyat diedarkan kepada pengundi Permatang Pauh. Bagi menambahkan kebencian rakyat terhadap calon pembangkang ini dan PR, kabinet itu dinamakan kabinet babi. Ia banyak mengutamakan bukan Melayu dan jawatan-jawatan penting juga menjadi milik mereka. Lim Kit Siang menjadi Timbalan Perdana Menteri dan Datuk Seri Hj Abdul Hadi sebagai Menteri Warisan serta banyak lagi menteri-menteri penting diberikan kepada orang bukan Melayu.

Pihak media melalui siaran berita TV telah kembali menyiarkan kembali isu projek babi di Sepang serta menghangatkan lagi isu saranan Khalid untuk membuka pintu UiTM sebanyak sepuluh peratus kepada bukan Melayu. Penyiaran berita seperti ini bertujuan untuk membangkitkan perasaan benci orang Melayu kepada Anwar di Permatang Pauh khususnya dan seluruh Malaysia amnya. Selain itu, Anwar juga digambarkan sebagai orang yang akan menggadai malah menjual Malaysia kepada Amerika dan Yahudi.

Penekanan BN yang terlampau terhadap isu-isu itu untuk menimbulkan kebencian orang Melayu terhadap Anwar dilihat sebagai satu pengiktirafan bahawa ia tidak lagi mengharapkan undi dari kalangan kaum bukan Melayu. BN sudah akui bahawa kaum-kaum itu sudah “abandon” mereka. Hanya Melayu sahaja harapan mereka. Maka, isu-isu yang dijangka akan menyebabkan Melayu akan datang berpaut kepadanya dimainkan hebat. Sikap pemimpin UMNO yang celupar dan menghina kumpulan pengundi bukan Melayu dengan menggelar mereka sebagai penderhaka kerana mengundi pembangkang akan ditiupkan sebagai satu isu juga telah dilihat sebagai satu faktor untuk meraih undi Melayu.

Menurut seorang penganalisa politik Karim Raslan sehari sebelum hari pengundian setelah meneliti sendiri keadaan di sana, beliau menulis bahawa dia melihat Anwar di depan ribuan pengundi Melayu, begitu yakin memuji ketokohan Lim Guan Eng sebagai pemimpin negeri Pulau Pinang. Anwar menerangkan tentang konsep ketuanan rakyat dan bukan lagi dasar ketuanan Melayu yang diperjuangkannya dan semua itu langsung tidak mendapat bantahan dari mereka yang hadir. Anwar begitu yakin dia tidak menimbulkan kemarahan Melayu. Bagi beliau, *relevancy* isu ketuanan Melayu itu kian menurun.

Ulasan calon PKR apabila beliau dilabel sebagai agen Cina, dalam salah satu bahan kempen bercetak... ‘Jangan lupa, saya kental sebagai agen Melayu dalam mengukuhkan orang Melayu dengan cara hidup Islam, Bahasa Melayu, pendidikan anak Melayu, menghapuskan riba di kalangan Melayu, hak dan peluang Melayu, perumahan rakyat miskin...Ya, saya memang agen Cina! Saya juga agen India, agen Kadazan, agen Iban dan agen seluruh rakyat Malaysia hak yang sama hak semua rakyat perlu dihormati...’Yang mustahaknya jangan disebut pejuang Melayu, tetapi diambil hak Melayu untuk memperkayakan diri, kroni dan sejumlah kecil mereka serta menafikan hak rakyat yang juga pembayar cukai dan membiarkan rakyat terus miskin.”

Pandangan masyarakat antarabangsa terhadap Anwar seperti Surin Pitsuwan, Setiausaha ASEAN semasa dadalam satu mesyuarat Asian Dialog Society di Bangkok “Anwar bukan sekadar pemimpin Malaysia tetapi juga pemimpin umat Melayu di rantau ini”. Harapan Surin ini bukanlah satu kekecualian, bahkan merupakan harapan yang dikongsi mereka dari Indonesia, Filipina dan tempat tempat lain seperti diungkap oleh Ulamak besar Sheikh Taha Jabir...Dunia Islam belum pernah dipimpin oleh bangsa Melayu. Selama ini dunia Islam dipimpin oleh bangsa-bangsa di Timur Tengah dan kawasan Teluk. Ketika ini Timur Tengah dilanda pelbagai krisis. Masa ini adalah untuk umat Melayu mengambil tampuk kepimpinan dunia Islam. Harapan ini akan menjadi kenyataan apabila Anwar mengambil tampuk kepimpinan.

Isu Agama dan Moral

Antara isu agama yang paling ketara menjadi bahan kempen Pilihan Raya kali ini ialah berkaitan tentang sumpah dan hubung kaitnya dengan pandangan Islam. Menambahkan lagi kehangatan sumpah ialah apabila ia dihubungkan dengan sumpah laknat.

Isu sumpah ini menjadi antara bahan utama kempen Barisan Nasional yang apabila Saiful Bukhari telah mendakwa dirinya diliwat oleh calon Pari Keadilan Rakyat sedari sebelum hari penamaan calon di masjid Wilayah Persekutuan.

Menurut Dr Sivamurugan Pandian pensyarah Universiti Sains Malaysia (USM), sumpah laknat dalam isu liwat yang dimainkan oleh BN dengan rancak bagi menyerang Datuk Seri Anwar Ibrahim telah menjadi ibarat “senjata makan tuan”, Isu sumpah ditolak pengundi kerana “masyarakat kampung sudah muak dengan cerita seperti itu”.

Isu itu mula dimainkan melalui media dan ceramah BN apabila Mohd Saiful Bukhari Azlan secara mengejut berbuat demikian sehari sebelum penamaan calon Pilihan Raya kerusi parlimen itu 16 Ogos lalu.

Rakaman acara bersumpah di Masjid Wilayah Persekutuan itu juga dilaporkan ditayangkan di bilik-bilik gerakan BN, selain ucapan-ucapan menyindir Anwar berhubung isu salah laku seks itu yang kini sudah dihadapkan di mahkamah.

Satu kajian yang telah dibuat oleh Merdeka Center bahawa 21.4% pengundi Melayu yang ditemui di Permatang Pauh berpendirian ‘*somewhat do not believe*’ dan sejumlah 35.3% ‘*somewhat do not believe at all*’ serta 12.5% ‘*do not say or won’t say*’.

Mudahnya, setelah mengambil kira bahawa yang dari kalangan ‘*won’t say*’ itu ada sebab untuk tidak menyatakan pendiriannya seperti kerana meluat, ini merumuskan bahawa 65% pengundi Melayu di Permatang Pauh tidak percaya dengan tuduhan itu. Survey itu juga mendedahkan bahawa 59% daripada pengundi Melayu yakin bahawa ‘*allegations of sexual misconduct against Anwar was politically motivated*’. Dengan kajian ini 65% yang tidak percaya ini pasti akan mengundi Anwar.

Kajian Merdeka Center ini juga membuktikan masyarakat pengundi di Permatang Pauh (walaupun masyarakat luar mungkin mempunyai pandangan berbeza) tidak menerima tuduhan tersebut dan menganggap laporan polis terhadap Anwar satu konspirasi politik. Dalam situasi seperti ini dilihat parti UMNO telah terperangkap dengan isu yang dibawa dalam kempen-kempen mereka.

Sekiranya tuduhan dikenakan ke atas Anwar sebelum tarikh penamaan calon, maka dunia akan melihat tindakan tersebut sebagai satu usaha kerajaan BN untuk menghalang beliau daripada kembali ke dalam arus perdana politik negara tetapi sekiranya Pejabat Peguam Negara berpendapat, tidak ada fakta untuk didakwa di mahkamah, maka dunia akan turut menyalahkan parti pemerintah kerana cuba membina kes palsu untuk menghalang kebangkitan Anwar.

(Anwar telah dituduh di mahkamah atas tuduhan mengadakan hubungan seks luar tabii sehari selepas Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mengumumkan tarikh 16-26 Ogos untuk Pilihan Raya kecil Permatang Pauh).

Memburukkan lagi keadaan pada setiap malam, sebuah stesen TV swasta menyiarkan isu-isu liwat ini dan pelbagai tuduhan bertujuan memburukkan Anwar. Pada malam sebelum pilihan raya, isu 'bukti-bukti dari DNA' disiarkan yang dikatakan membabitkan Anwar. Setiap malam skrin besar di Permatang Pauh menyiarkan berulang-ulang upacara bersumpah yang dilakukan oleh Saiful di Kuala Lumpur. Saiful dikatakan "berkempen" kuat di sana.

Para pemimpin agama dan juga ulama' juga telah memberikan pandangan berhubung dengan isu liwat ini. Antara ulasan tokoh agama;

1. Prof. Dr Taha Jabir Al Wani – Ulama dan Presiden Cordoba University

Ketika mengulas isu yang mempunyai rekod cemerlang dalam kepimpinannya dan kes liwat, beliau berkata... "ketika menerajui Kementerian Belia dan Sukan dan Ketua Pergerakan Pemuda UMNO berapa tahun, tidak kedengaran suara-suara sumbang dari golongan remaja belia bersamanya dahulu menyebut tentang perlakuan sumbang beliau, tetapi bagaimana sejak akhir-akhir ini terdapat kecenderungan pihak tertentu dengan rasa tidak malu dan takut kepada ALLAH melemparkan tuduhan negatif itu. Anwar Ibrahim adalah putera terbaik yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk Malaysia. Amat rugilah jika rakyat Malaysia gagal memanfaatkannya sebagai pemimpin. Mengikut Islam yang menuduh liwat hendaklah dengan empat orang saksi dan bukan dengan sumpah. Jika penuduh gagal membawa saksi hukumannya adalah 80 sebatan (seperti dalam surah an Nur ayat 4)

2. Prof Dr Yusuf al Qardhawi – Ketua Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah dan Presiden Persatuan Ilmuwan Islam Antarabangsa

Ketika memberi fatwa mengenai pendapat syarak tentang-tentang tuduhan dan fitnah yang ditujukan terhadap Sdr Anwar Ibrahim. Dr Yusuf Qaradawi telah menyebutnya dengan penuh harapan... "Jiwa saya seperti berkecai dan hati saya rasa seperti dihiris melihat kejadian-kejadian yang berlaku di Malaysia. Amat besar harapan saya terhadap umat Islam saudara-saudara saya di negara Malaysia tercinta agar mereka berusaha sedaya upaya untuk memadamkan api fitnah dan kembali bersatu padu memperkuat ketahanan bangsa demi menghadapi pakatan-pakatan jahat yang dirancang oleh kuasa-kuasa besar bagi menghancurkan mereka secara khas dan kaum muslimin secara umum. Itulah cara termudah bagi mereka menikmati kekayaan dan khazanah negara sedang umat dalam kealpaan dan bercakaran sesama sendiri"

3. Mursyidul Am PAS Datuk Seri Tuan Guru Nik Abdul Aziz Nik Mat memberikan komen tentang sumpah laknat yang telah dibuat oleh Saiful Bukhari. Menurut beliau bahawa sumpah berkenaan sama sekali tidak boleh diterima sebagai sumpah seorang Islam. Asas sumpah yang diterima oleh Islam perlulah menyebut perkataan Wallahi, Wabillahi dan Watallahi
4. Datuk Haron Din yang merupakan Timbalan Mursyidul PAS menasihati orang ramai agar tidak mudah bersumpah dan menjadikan kaedah itu sebagai pilihan yang untuk mencari kebenaran dan hendaklah dibuat di mahkamah yang membicarakan kes tersebut
5. Bekas Presiden Indonesia Abdul Rahman Wahid juga memberikan pandangan dengan mencuba mana-mana pihak supaya membuktikan bahawa sumpah dengan al-Quran seperti yang dilakukan oleh Saiful adalah seperti mana yang diajarkan oleh Islam. Tambah beliau lagi bahawa beliau sama sekali tidak yakin dengan fitnah yang dilemparkan kepada Anwar
6. Ulasan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dalam Berita Harian sehari selepas pembuangan undi juga menekankan bahawa larangan untuk menjadikan sumpah Mubalhalah (laknat) ini sebagai satu trend dalam masyarakat sebaliknya ia perlu dilaksanakan selepas proses perundangan yang membabitkan orang yang menuduh dan orang yang dituduh diputuskan oleh mahkamah. Menurut beliau lagi hukum terhadap sumpah mubalhalah wujud dalam undang-undang Islam dan seharusnya dibuat selepas proses perundangan bagi memastikan ia tidak dipolitikkan sehingga mengakibatkan nilai sumpah itu seperti tidak berharga

Salah satu strategi kempen dalam mana-mana pilihan raya ialah perang saraf. Dalam mengatui strategi kempen PRK PP kali ini, telah menampakkan bahawa jentera kempen PR telah mengambil strategi yang berbeza dengan parti lawan khususnya BN, iaitu kempen di atas jalan raya (selepas digunakan kempen jalanan). PR telah menggunakan strategi *road talk* (dipanggil juga *town cryer*). Semasa kumpulan kami berada di Parlimen Permatang Pauh sepanjang kempen tersebut, kami dapat kesan PR telah menggunakan kenderaan pacuan empat roda dan lori yang menjual tong gas Petronas; membuat *road talk*.

Kenderaan-kenderaan ini dipasang dengan gambar calon PR, iaitu Anwar Ibrahim, bendera Parti KeADILan, gambar-gambar pemimpin parti gabungan PR khususnya PAS, DAP, dan pembesaran suara (Gambar 1).



Gambar 1: Pacuan Empat Roda yang Digunakan untuk *Road Talk*.

Pada kebiasaan kenderaan *road talk* menjalankan aktiviti mereka pada sebelah petang dengan membuat rondaan dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh dengan tiga orang berada dalam kenderaan: seorang pemandu dan dua orang lagi. Kedua-dua orang ini akan menyampaikan ceramah secara bergerak. Mereka menyampaikan isu-isu kempen pilihan raya dan memperuar-uarkan jadual ceramah PR. Apabila kedua-dua penceramah ini penat, mereka memasang kaset atau CD. Kaset dan CD ini mengandungi ceramah-ceramah Anwar Ibrahim. Selain itu, ada kenderaan *road talk* yang memasang skrin besar bergambar Anwar Ibrahim dan juga pemimpin-pemimpin yang lain.

Kenderaan ini bergerak perlahan sahaja yang dianggarkan 20-40 kilometer sejam. Kenderaan ini memberi tumpuan di kawasan-kawasan yang terdapat ramai orang seperti perumahan, kedai kopi, tempat orang BN berkumpul yang sedang menghadiri aktiviti kempen BN dan sekali sekala berhenti di hadapan pondok BN. Usaha untuk berada dalam kalangan orang BN ini dilihat sebagai usaha berani gerakan kempen PR menyampaikan maklumat mereka kepada para penyokong BN dan menangkis isu-isu yang ditimbulkan oleh BN terhadap PR. Sekali imbas, tindakan PR boleh mencetus perbalahan di kalangan dua parti, namun ini tidak berlaku dan didapati para penyokong BN mengambil tindakan membiarkan sahaja tindakan PR ini.

Strategi *road talk* ini didapati memberi kesan yang mendalam khususnya kepada para penyokong dan pengundi di kawasan Parlimen Permatang Pauh. Penyokong dan pengundi PR mendapat maklumat terkini tentang gerakan ceramah pemimpin mereka dan usaha ini juga dilihat PR dapat membolos untuk menyampaikan maklumat mereka kepada penyokong dan pengundi BN, khususnya apabila kenderaan *road talk* ini berada dalam kawasan penyokong dan pengundi BN berkumpul.

ANALISA KEPUTUSAN

Pilihan raya kecil 26 Ogos lalu telah memberikan kemenangan besar kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim. Kemenangan tersebut telah dijangka oleh banyak pihak termasuk pemimpin-pemimpin kanan BN. Datuk Seri Anwar Ibrahim berjaya mengeneppikan dua calon lain, Datuk Arif Shah Omar Shah dari BN dan Haji Hanafi Mamat dari Angkatan Keadilan Insan Malaysia (AKIM) dengan undi yang diterima sebanyak 31,202. BN dan AKIM pula masing-masing menerima 15,615 dan 90 undi

Pilihan raya kecil Permatang Pauh juga memperlihatkan peningkatan majoriti yang dimiliki oleh PKR sebanyak 15,497. Terdahulu, penyandang kerusi tersebut, Dr. Wan Azizah Wan Ismail telah memenangi pilihan raya umum kawasan berkenaan menewaskan calon BN Pirdaus Ismail dengan majoriti 13,388. Ketika itu, Permatang Pauh mencatatkan jumlah pengundi berdaftar sebanyak 58,449 dengan peratusan keluar mengundi mencapai 81.17% (47,390 pengundi keluar mengundi).

Berbeza keadaan ketika Anwar pula, Permatang Pauh mencatatkan peningkatan jumlah daftar pengundi seramai 58,459 namun begitu peratusan keluar mengundi menurun sedikit iaitu sebanyak 80.96% (47,329 pengundi keluar mengundi). Ini disebabkan faktor hari pengundian yang jatuh pada hari bekerja yang menghalang pengundi dari luar untuk hadir membuang undi. Dalam masa yang sama, keengganan beberapa syarikat-syarikat swasta untuk memberi pelepasan kepada pekerja mereka untuk keluar mengundi walaupun kerajaan negeri telah mengumumkan cuti umum kepada seluruh negeri Pulau Pinang pada hari tersebut.

Sebanyak 26 kod daerah mengundi yang telah disediakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang berpusat di Maktab Perguruan Tunku Bainun dalam melicinkan proses pengundian. Semua 26 kod daerah mengundi tersebut ditempatkan di semua sekolah dalam kawasan Permatang Pauh yang meliputi beberapa DUN dalam kawasan ini seperti DUN Seberang Jaya, Permatang Pasir dan Penanti.

Kemenangan Anwar Ibrahim banyak dipengaruhi oleh keberkesanan kempen dan strategi pendekatan beliau dalam memikat undi masyarakat pelbagai kaum di Permatang Pauh. Walaupun majoriti pengundi disini adalah kaum Melayu, undi kaum bukan Melayu juga amat penting dalam menentukan kemenangan seseorang calon. Pada pilihan raya kecil kali ini, dilihat undi kaum bukan Melayu terutamanya orang Cina dan India memihak kepada Anwar. Ini dapat dilihat menerusi beberapa keputusan peratusan pengundian yang majoriti pengundi adalah bukan Melayu seperti di Permatang Tengah, Berapit Road, Seberang Jaya dan Kampung Pelet di mana Anwar Ibrahim menerima hampir separuh daripada jumlah undi yang dibuang berbanding calon BN dan AKIM.

Dalam pecahan undi, kebanyakan undi yang diterima Anwar datang dari golongan belia dan wanita berbanding dengan undi golongan tua dan veteran yang memihak calon BN. Sementara itu, AKIM hanya menerima undi simpati pengundi di atas pagar yang tidak bersetuju dan sealign dengan BN mahupun PKR. Ini kerana belia dan wanita lebih terpengaruh terhadap kempen dan janji-janji yang dibuat Anwar. Sementara itu, golongan tua dan veteran ini masih betah bertahan dengan BN kerana nostalgia dan simpati terhadap perjuangan BN yang telah membawa kemerdekaan dan kemajuan kepada Malaysia.

Dalam masa yang sama, undi golongan muda dan wanita banyak berpihak kepada Anwar disebabkan wujudnya kefahaman golongan tersebut bahawa mengundi Anwar adalah perlu berbanding

calon lain terutamanya Datuk Arif Shah dari BN. Ini adalah kerana Arif Shah adalah wakil rakyat yang mewakili satu DUN dalam Permatang Pauh yang terkenal akan memberi bantuan kepada sesiapaapun dari masyarakat Permatang Pauh yang memerlukan sungguhpun mereka itu datang dari DUN yang lain. Justeru adalah lebih baik mengundi Anwar kerana undi tersebut lebih bermakna berbanding mengundi orang yang sudahpun terpilih menjadi wakil rakyat.

Secara ringkasnya, keputusan pilihan raya kecil Permatang Pauh 2008 dapat difahami menerusi rajah berikut:

KEPUTUSAN PILIHAN RAYA KECIL P44 PERMATANG PAUH 2008

Jumlah pengundi berdaftar: 58,459

Pecahan pengundi mengikut kumpulan etnik:

1. Melayu...69.4%
2. Cina...24.5%
3. India...6.0%
4. Lain-lain...0.1%

Calon/Parti	Undi Diterima	Peratusan Undi
1. Datuk Arif Shah Omar Shah (BN)	15,615	32.99%
2. Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR)	31,202	65.93%
3. Haji Hanafi Mamat (AKIM)	90	0.19%

Pemenang: Datuk Seri Anwar Ibrahim (PKR)

Majoriti: 15,497

Undi Dibuang: 46,495

Peratus Undi Dibuang: 98.24%

Undi Rosak: 834

Peratus Undi Rosak: 1.76%

Jumlah Turun Mengundi: 47,329

Peratusan Turun Mengundi: 80.96%

KESIMPULAN

Daripada keputusan yang telah diketahui di mana calon Parti Keadilan Rakyat yang mewakili Parti Rakyat dengan calonnya Datuk Seri Anwar Ibrahim telah memenangi Pilihan Raya kecil ini dengan majoriti 15671 undi. Jumlah majoriti yang tinggi jika dibandingkan dengan keputusan Pilihan Raya Umum ke-12 yang berjumlah 13388 yang juga dimenangi oleh calon Parti Keadilan Rakyat melalui wakilnya Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail menunjukkan peningkatan undian yang berpihak kepada Parti Keadilan Rakyat. Peningkatan ini juga telah dipengaruhi oleh isu-isu yang berkaitan dengan isu Melayu serta isu agama dan moral telah dibawa semasa kempen dijalankan. Adalah jelas bahawa isu-isu telah menjadikan faktor kepada kemenangan serta kekalahan calon-calon yang bertanding. Oleh yang demikian, perlu kepada satu trend baru bagi memenangi hati pengundi dengan isu-isu yang lebih berwibawa dan dapat diterima dengan baik oleh para pengundi. Bukannya isu semasa kempen yang akan menjatuhkan diri sendiri. Pepatah ada mengatakan “senjata makan tuan”.

NOTA AKHIR

- ¹ S/U UMNO bahagian.
- ² Mohamad Najib Abdul Hanif, 2008
- ³ Mohd Nasir Mat Isa, 2008
- ⁴ Ayob Salleh, 2008
- ⁵ sumber Pejabat UMNO Bahagian Permatang Pauh
- ⁶ Ahmad Tajudin Ishak, 2008
- ⁷ Ahmad Sahar Shuib, 2008
- ⁸ Mohamad Najib Abdul Hanif, 2008
- ⁹ Yahya Che Lah, 2008
- ¹⁰ sila lihat anwaribrahimblog.com
- ¹¹ Ayob Salleh, 2008
- ¹² Mohd Nasir Mat Isa, 2008
- ¹³ Ahmad Yasrani Abd. Ghani, 2008
- ¹⁴ Ahmad Yasrani Abd. Ghani, 2008
- ¹⁵ Mohd Nasir Mat Isa, 2008
- ¹⁶ Yahya Che Lah, 2008
- ¹⁷ Zainan Bidin, 2008
- ¹⁸ Najib Hanif.
- ¹⁹ Salmah Saad, 2008
- ²⁰ Temubual dengan Anwar Ibrahim di pejabat beliau di Yayasan Aman, Penanti pada 21 Ogos 2008 jam 12.45 tengahari.
- ²¹ Kecewaan tersebut diungkapkan sewaktu temubual dengan beliau sewaktu Rancangan Hujah di TV 9 selepas Pilihanraya Kecil Permatang Pauh pada 1 September 2008, jam 3.15 petang di Bandar Utama Damansara.
- ²² Temubual dengan Hanafi Mamat di Khemah AKIM pada 21 Ogos 2008, jam 6.45 petang.

RUJUKAN

<http://anwaribrahimblog.com/>

<http://arifshah.com/>

Ahmad Sahar Shuib, Setiausaha UMNO Bahagian Permatang Pauh, wawancara tidak berakam. (15 Ogos 2008), jam 11.15 tengahari.

Salmah Saad, Taman Pauh Jaya, DUN Seberang Jaya, wawancara tidak berakam.(18 Ogos 2008) jam 10.30 malam.

Zainan Bidin, Permatang Pasir, DUN Permatang Pasir, wawancara tidak berakam.(19 Ogos 2008). jam 3.00 petang.

Mhd Nasir Mat Isa, Pegawai Perhubungan Awam, Pusat Khidmat YB Datuk Arif Shah Hj Omar Shah, Taman Pauh Jaya, wawancara tidak berakam.(20 Ogos 2008). jam 3.50 petang.

Yahya Che Lah, Taman Pauh Jaya, DUN Seberang Jaya, wawancara tidak berakam.(21 Ogos 2008). jam 10.00 malam.

Mohmad Najib Abdul Hanif, Taman Pauh Jaya, DUN Seberang Jaya, wawancara tidak berakam. (22 Ogos 2008). jam 9.30 malam.

Ahmad Yasrani Abd. Ghani, Taman Pauh Jaya, DUN Seberang Jaya, wawancara tidak berakam. (23 Ogos 2008). jam 10.00 malam.

Ayob Salleh, Timbalan Ketua Cawangan UMNO Pengkalan Tambang, wawancara tidak berakam. (24 Ogos 2008). jam 11.20 pagi.

Ahmad Tajudin Ishak, Setiausaha Kerja UMNO Bahagian Permatang Pauh, wawancara tidak berakam.(10 September 2008). jam 3.35 petang.